




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

# KERATAN AKHBAR KESUMA”

SELASA  
28 April 2026





RAMANAN (dua dari kanan) ketika melihat ruang pameran di Karnival Kerjaya Premium MYFutureJobs 2026.

# 5,900 diberhenti kerja pada Mac lalu

Kuala Lumpur

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) bakal melancarkan siri inisiatif sokongan krisis bersasar bagi menanganai impak ketidaktentuan ekonomi global yang berpunca daripada tekanan geopolitik semasa.

Langkah proaktif itu diambil susulan trend membimbangkan dalam pasaran buruh negara yang menyaksikan seramai 5,900 rakyat Malaysia diberhentikan kerja pada Mac lalu.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R Ramanan berkata, data menunjukkan pekerja di Selangor dan Kuala Lumpur menjadi go-

## *KESUMA bakal lancar inisiatif sokongan pekerja susulan ketidaktentuan ekonomi global*

longan yang paling teruk terjejas akibat situasi berkenaan.

Menurutnya, sebagai langkah susulan Kerajaan MADANI menerusi KESUMA, beberapa inisiatif komprehensif akan diumumkan secara rasmi sempena Sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei ini.

"Inisiatif itu bertujuan meningkatkan kebolehpasaran pencari kerja melalui intervensi dinamik, termasuk penambahbaikan kepada Akta Sistem Insurans Pekerjaan (Akta 800) sedia ada.

"Penambahbaikan ini dijangka memberi manfaat menyeluruh merangkumi perlindungan sosial serta akses lebih mudah kepada program latihan semula (reskilling) dan peningkatan kemahiran (upskilling)," katanya dalam kenyataan selepas mengadakan tapak Karnival Kerjaya Premium MYFutureJobs 2026 di sini, kelmarin.

Ramanan berkata, usaha itu kritikal bagi mempercepatkan proses penempatan semula pekerja ke sektor yang lebih stabil sekali

gus mengurangkan tekanan terhadap pasaran buruh negara.

Selain itu, KESUMA akan menggerakkan program jelajah ke universiti seluruh negara bagi mendekati bakal graduan untuk memahami cabaran mereka dalam menempuhi alam pekerjaan.

Jelasnya, sesi dialog secara langsung, bimbingan kerjaya dan padanan pekerjaan akan disediakan bagi memastikan bakat tempatan kekal relevan dengan kehendak industri masa kini.